



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 3 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAQIS SEIZES 28,000KG OF BUFFALO MEAT FROM INDIA, NEWS IN BRIEF, NST -18 28 TAN DAGING KERBAU DITINGGAL DI PELABUHAN, NEGARA, KOSMO -8 MAQIS RAMPAS 28 TAN DAGING KERBAU SEJUK BEKU DARI INDIA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22 MAQIS RAMPAS 28 TAN DAGING KERBAU DARI INDIA, NASIONAL, BH -12 RAMPAS 28 TAN DAGING SEJUK BEKU DARI INDIA, LOKAL, HM -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7.	KELANTAN BENAR IBADAH KORBAN, COVID-19, HM -13 KERBAU MOWGLI BELUM ADA TEMPAHAN, DALAM NEGERI, UM -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	JAMINAN PEMBELI DAN PASARAN, NASIONAL, SH -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI


**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	18

Maqis seizes 28,000kg of buffalo meat from India

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) Selangor detained a container carrying frozen buffalo meat from India weighing 28,008kg for failing to submit a valid import permit, at Port Klang Barat, last Tuesday. Maqis Selangor director Zamri Hashim said the container carrying frozen meat, estimated to be worth RM290,786.06, was detained by the agency following an inspection at 12.15pm. "The container was detained for further action for failing to submit a valid Maqis Import Permit." **Berna-**
ma

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2021	KOSMO	NEGARA	8



SEBAHAGIAN daging kerbau dari India yang dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Klang, Selangor pada Selasa lalu.

28 tan daging kerbau ditinggal di pelabuhan

KLANG – Sebanyak 28 tan daging kerbau sejuk beku dipercayai tanpa permit import sah dirampas di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang di sini baru-baru ini.

Rampasan bekalan dari India bernilai RM290,786.06 itu dilakukan hasil pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor pada pukul 12.15 tengah hari, Selasa lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, siasatan mendapati kontena yang berisi bahan mentah itu berada di pelabuhan sejak 13 Jun lalu.

"Hasil pemeriksaan menda-

pati syarikat berkaitan gagal mengemukakan permit import Maqis yang sah.

"Kesemua daging itu dipercayai untuk kegunaan sendiri dan pasaran tempatan," katanya di sini semalam.

Semakan mendapati ia merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat pembekalan makanan itu yang beroperasi di Lembah Klang.

Difahamkan, syarikat tersebut juga menjalankan perniagaan francais.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

3/7/2021

MAHKAMAH &
JENAYAH

22

Maqis rampas 28 tan daging kerbau sejuk beku dari India

ARMAD ISMADI ISMAIL**KLANG**

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas sebuah kontena yang membawa daging kerbau sejuk beku seberat 28,008 kilogram di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, kontena itu ditahan di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat selepas pegawaiinya menjalankan pemeriksaan rutin harian pada jam 12.15 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan lanjut terhadap kontena tersebut mendapati seberat 28 tan daging kerbau sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM290,786.06 ditahan kerana gagal mengemukakan Permit Import Maqis yang sah," katanya

melalui kenyataan pada Jumaat.

Menurut beliau, perbuatan mengimport daging sejuk beku tanpa Permit Import akan disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), akta yang sama.

Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Kita tidak akan berkompromi apabila melibatkan aspek halal kerana ini adalah perkara yang paling dititikberatkan oleh masyarakat Malaysia.

"Maqis memasihati dan berharap semua pemain industri pengimportan dan pengeksportan sentiasa mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan," tegas beliau.



Daging kerbau sejuk beku yang dirampas Maqis di Pelabuhan Klang pada Selasa.

MAQIS rampas 28 tan daging kerbau dari India

Shah Alam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas 28 tan daging kerbau yang dibawa masuk tanpa permit import sah di Pelabuhan Klang Barat, Selasa lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim, berkata sebuah kontena yang membawa produk sejuk beku dari India itu ditahan selepas penguat kuasa MAQIS menjalankan pemeriksaan rutin harian di pintu masuk MAQIS pada jam 12.15 tengah hari.

"Kontena yang mengandungi daging kerbau sejuk beku itu ditahan untuk tindakan lanjut ke-

rana gagal mengemukakan permit import MAQIS yang sah.

"Siasatan lanjut mendapati daging kerbau sejuk beku seberat 28,008 kilogram atau 28 tan itu dianggarkan bernilai RM290,786.06.

"Daging kerbau yang tiba 13 Jun lalu dibawa masuk untuk kegunaan syarikat tempatan, selain dijual di pasaran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zamri berkata, perbuatan mengimport daging sejuk beku tanpa Permit Import disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika disabitkan kesalahan bo-



MAQIS Selangor merampas 28 tan daging kerbau sejuk beku dari India yang dipercayai dibawa masuk tanpa permit import sah. (Foto ihsan MAQIS)

leh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama dan jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"MAQIS tidak akan berkompromi dalam aspek halal kerana ini adalah perkara yang paling diti-

tikberatkan oleh masyarakat Malaysia.

"MAQIS menasihati dan berharap semua pemain industri pengimportan dan pengeksportan sentiasa mematuhi prosedur yang ditetapkan kerajaan supaya jaminan keselamatan makanan negara terpelihara terutama aspek halal," katanya.

3/7/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

24

Pelabuhan Klang: Caba bawha masuk 28 tan daging kerbau sejuk beku dari India ke negara ini tanpa permit import sah.

Tindakan sebuah syarikat tempatan itu bagaimanapun dibongkar Jabatan Perkhidmatan Quarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor di Pelabuhan Klang Barat di sini, Selasa lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, sebuah kontena yang membawa daging kerbau dari India itu ditahan selepas penguat kuasa Maqis menjalankan pemeriksaan rutin harian di pintu masuk Maqis pada jam 12.15 tengah hari.

"Kontena yang mengandungi daging kerbau sejuk beku itu ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan Permit Import, Maqis yang sah.

"Siasatan lanjut mendapati, daging kerbau sejuk beku seberat 28,008 kilogram atau 28 tan itu dianggarkan bernilai RM290,786.06.

"Daging kerbau sejuk beku yang cba sejak 13 Jun lalu dibawa masuk untuk kegunaan syarikat berkenaan serta selain dijual di pasaran tempatan, katanya.

Zamri berkata, perbuatan mengimport daging sejuk beku

tanpa Permit Import akan

disiasat mengikut

Seksyen 11(3), Akta

Perkhidmatan Kuarantin dan

Pemeriksaan

Malaysia 2011 [Akta 728].

Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), Akta yang sama dan jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau

TIADA PERMIT IMPORT SAH

Rampas 28 tan daging sejuk beku dari India



“Daging kerbau sejuk beku 28 tan bernilai RM290,786.06”

Zamri Hashim

MAQIS merampas kontena bawha daging sejuk beku di Pelabuhan Klang Barat, Selasa lalu.

dipenjaru selama tempoh tidak melebihi enam tabung atau kedua-duanya.

“Maqis tidak akan berkompromi dalam aspek keselamatan kerana ini adalah perkara yang paling dititikberatkan oleh masyarakat Malaysia. “Maqis menasihati dan berharap semua pemain industri pengimportan dan pengeksportan sentiasa mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan agar jaminan keselamatan makanan negara terpelihara dari setiap aspek terutamanya aspek halal,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2021	HARIAN METRO	COVID-19	17

Kelantan benar ibadah korban

Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) membenarkan pelaksanaan ibadah korban di negeri itu dengan perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Yang Dipertuanya Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, proses penyembelihan haiwan korban dibenarkan dilaksanakan di rumah sembelih ruminan (Kompleks Abattoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) iaitu di Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas.

Katanya, proses sembelihan juga dibenarkan di masjid bandar, jajahan dan mukim

dengan kelulusan Maik.

“Bilangan petugas bagi sembelihan seekor ruminan besar (lembu atau kerbau) tidak melebihi 10 orang, manakala ruminan kecil (kambing atau bebiri) tidak melebihi lima orang.

“Peserta ibadah korban tidak dibenarkan hadir dan mereka hanya perlu mewakili kepada penganjur bagi menyempurnakan akad dan wakalah.

“Selain itu, kanak-kanak berusia 15 tahun ke bawah, petugas berusia 70 tahun ke atas, pesakit berisiko tinggi dan kronik tidak dibenarkan hadir,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Kerbau Mowgli belum ada tempahan



MUHAMMAD SYUKUR KHAMIS MEMBERI MAKAN KERBAU TERMAKAN DI KAMPUNG KUBANG BUJUK DI KUALA TERENGGANU, SEMALAM. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Oleh ROSALINDA MD. SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Keluarga remaja, Muhammad Syukur Khamis, 16, belum menerima tempahan kerbau untuk ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha, tidak lama lagi.

Bapanya, Khamis Jusoh, 65, berkata, walaupun sambutan Hari Raya Aidiladha semakin dekat, tiada mana-mana pihak menghubunginya untuk membeli kerbau-kerbau miliknya, se-takat ini.

Katanya, terdapat empat kerbau di kandangnya di Kampung Kubang Bujuk di sini yang sudah cukup umur bagi pelaksanaan ibadah korban.

“Setakat ini tiada lagi tempahan, cuma dua anak saudara berminat mengambil bahagian jika saya melakukannya.”

“Tahun lalu empat kerbau dijual dengan dua dibeli pihak luar manakala bakinya diorkbankan di rumah dalam kalangan ke-

luarga terdekat serta sahabat,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Terengganu membenarkan pelaksanaan ibadah korban dan akikah di rumah penyembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu (JPV) atau rumah penyembelihan ruminan swasta yang dilesenkan di samping pekarangan masjid, surau dan di kawasan lapang seperti padang yang diluluskan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Khamis berkata, lazimnya dia sudah menerima tempahan kerbau korban pada tempoh sebegitu dan tidak pasti jika rezeki boleh berpihak pada saat akhir.

Menurutnya, jumlah ternakannya kini meningkat kepada 65 ekor berbanding 52 sebelum ini selepas separuh daripadanya mati berturut-turut akibat penyakit dipercayai hawar berdarah, dalam kejadian tahun lalu.

Katanya, selain kerbau, dia turut menternak 10 lembu di samping 30 kambing.

Jaminan pembeli dan pasaran

Ladang Kontrak 2.0 bantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana

Bidang pertanian menyumbang peratusan tinggi daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2019, sebanyak 7.1 peratus KDNK datang daripada sumber pertanian.

Ini membuktikan pertanian satu-satunya industri yang tidak akan 'mati' malah menjadi keperluan terpenting manusia terutama dalam saat-saat genting.

Kemeseletan ekonomi yang terocot akibat pandemik Covid-19 telah menyebabkan berlakunya krisis kemanusiaan seperti kehilangan pekerjaan, pemisahan rugi, hutang keiling pinggang dan banyak lagi.

Percaya atau tidak, sumber pertanian sebenarnya mampu menjana pendapatan dan dapat mengubah nasib seseorang jika dilaksanakan secara sistematik dan mendapat sokongan serta latihan daripada agensi-agensi di bawah MAFI.

Program Ladang Kontrak adalah salah satu mekanisme untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana dalam menjamin pengeluaran hasil pertanian mereka mendapat pulangan yang setimpal.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), program Ladang Kontrak

diperkenalkan melalui empat teras iaitu untuk menjamin pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar, mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, memastikan pengeluaran hasil pertanian

berkualiti dan menepati kehendak pasaran, serta mempertingkatkan pemindahan teknologi di sepanjang rantaian bekalan.

Setelah Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE) ditubuhkan pada tahun 2017 dan program ini dipindahkan ke BPE, fokus program ini mula dialihkan kepada aspek pemasaran.

Dalam RMK-12, program ini telah digantikan dengan Program Khidmat Pemasaran MAFI atau dikenali sebagai Program Ladang Kontrak 2.0 (LK2.0).

Program LK2.0 merupakan satu program kerjasama di antara pemasar dengan pengeluar yang dipermudahkan oleh agensi/Jabatan Pembimbing Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Sebagai balasan kepada persetujuan kerjasama itu, pihak pemasar dan pengeluar yang didaftarkan sebagai peserta program layak menerima insentif/kemudahan pemasaran yang ditawarkan melalui program ini.

Sejak RMK-9, bilangan peserta LK2.0 telah mencapai kira-kira 17,000 orang. LK2.0 menekankan empat objektif utama iaitu:

- Menghubungkan peserta dengan pasaran dan memastikan hasil pengeluaran dipasarkan.
- Membantu usahawan pemasar mendapat bekalan terus daripada pengeluar hasil pertanian agar hasil disalurkan secara berjadual dan berterusan.
- Mengenalpasti dan membangunkan peserta pengeluaran menjadi usahawan pemasar.
- Meningkatkan pendapatan peserta program.

Program ini terbuka kepada pengusaha baru dan juga pengusaha sedia ada dalam bidang



Salah sebuah PPL yang dibangunkan sebagai pusat pengumpulan hasil pengeluaran peserta.

pertanian yang memenuhi syarat pemilihan dan kriteria yang ditetapkan.

Peserta sama ada individu, syarikat atau koperasi boleh menyertai LK2.0 dengan syarat mereka berdaftar dengan mana-mana jabatan/agensi MAFI termasuklah Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Peserta juga perlu memiliki kawasan tanah tapak projek dengan pemilikan/sewaan yang sah di sisi undang-undang.

Agensi pelaksana pemasaran iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Perhutanan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula akan menilai, memilih dan meluluskan permohonan peserta selepas membuat pendaftaran.

Agensi ini juga berperanan memberi bantuan pemasaran kepada peserta; memantau dan merekod aktiviti pemasaran setiap peserta mengikut KPI yang ditetapkan; membeli, memasarkan hasil pengeluaran dan bertindak sebagai fasilitator/perantara di antara pengeluar dengan pemasar/pasaran; menyediakan forward agreement dan menguruskan proses menandatangani perjanjian, serta bertindak membangunkan ruang pasaran bagi meneroka pasaran baharu untuk usahawan pemasar yang terlibat.

Peserta yang terlibat dalam program LK2.0 diberikan bantuan dalam bentuk barangan (in-kind) serta khidmat nasihat pemasaran berdasarkan keperluan peserta dan mengikut skop program yang telah diluluskan.

Jaminan pasaran

Apa yang menarik, pembeli

industri/komersial yang bekerjasama dalam program ini akan menerima bekalan yang konsisten daripada pembekal iaitu peserta program. Komitmen ini dinyatakan melalui perjanjian yang ditandatangani kedua-dua pihak.

Peserta LK2.0 diberi pilihan untuk menandatangani perjanjian jual beli dengan pihak FAMA atau LPP yang dikenali sebagai Forward Agreement.

Melalui perjanjian ini, LPP/FAMA akan membeli hasil keluaran peserta mengikut kuantiti dan gred yang telah dipersetujui bersama.

Selain itu, penentuan harga belian adalah sama ada belian pada harga tetap atau pada harga semasa yang disokong dengan harga lantai.

Harga lantai adalah harga minimum yang akan dibayar kepada peserta jika berlaku kejatuhan harga pada sesuatu komoditi. Ini bagi memastikan peserta dapat meneruskan aktiviti pertanian mereka sekali gus menjamin pasaran secara tetap.

Agensi pelaksana program juga melaksanakan program pengaturan pasaran kepada peserta bagi mempelbagaikan ruang pasaran. Melalui pengaturan pasaran ini, peserta akan dipadankan dengan pembeli industri/komersial seperti pasar raya, kedai runcit, kedai makan, kafe dan lain-lain.

LK2.0 menggunakan sistem e-LK sepenuhnya bagi memastikan setiap laporan dan butiran peserta direkodkan secara sistematik.

Melalui sistem yang telah dibangunkan pada tahun 2020 ini, profil setiap peserta akan direkodkan termasuklah jenis tanaman, anggaran pengeluaran hasil, anggaran pengeluaran dan nilai pengeluaran dan lain-lain.

Pelan pemasaran LK2.0

1. Forward Agreement (FA) bersama Agensi:

Peserta menandatangani FA bersama FAMA/LPP untuk memasarkan hasil ladang. Kemudian, agensi akan membeli berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui, sebelum dipasarkan ke pasar raya/outlet pasaran di bawah seliaan agensi.

2. Agensi mengaturkan pasaran:

Agensi akan mengaturkan pasaran kepada peserta melalui perancangan program jualan secara berkala di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti seperti program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL).

3. Agensi selaku fasilitator:

Peserta boleh mendapatkan khidmat agensi selaku fasilitator dalam rundingan bersama pihak pemasar/pembeli swasta seperti pasar raya dan Industri hotel, restoran dan catering. Agensi juga boleh membantu memadankan peserta program dengan usahawan Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) dan usahawan outlet-outlet jualan di bawah seliaan agensi seperti Agrobazaar Rakyat, Agrobazaar Kedai Rakyat, MyFarm Outlet dan lain-lain.

4. Pusat Pengumpulan Ladang (PPL):

Kerajaan turut menyediakan bantuan fasiliti PPL yang berbentuk khemah mudah alih/separa kokai serta peralatan pemasaran kepada peserta. Dengan fasiliti yang disediakan ini, usahawan pemasar di PPL memainkan peranan penting dalam membantu petani setempat untuk memasarkan produk. Banyak PPL yang telah berkembang maju menjadi pusat jualan terus kepada masyarakat setempat dan juga pembeli Industri. Malah terdapat PPL yang menjadi hub pengumpulan hasil sayur-sayuran dan ufam-ufaman untuk dieksport ke Singapura.



Aktiviti pengedaran di salah sebuah PPL peserta Program Ladang Kontrak.